



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PROGRAM *TVET INSTRUCTOR TECHNOLOGY
UPDATE* (PERKONGSIAN KEPAKARAN PENGAJAR DARI
DALAM DAN LUAR NEGARA MELALUI KAEDAH *COACHING
DAN MENTORING* KEPADA PENGAJAR TVET)
RMKe-12 (2021 – 2025)**

(PINDAAN 1, MEI 2022)

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PROGRAM TVET INSTRUCTOR TECHNOLOGY UPDATE
(PERKONGSIAN KEPAKARAN PENGAJAR DARI DALAM DAN LUAR NEGARA MELALUI
KAEDAH COACHING DAN MENTORING KEPADA PENGAJAR TVET)
RMKe-12**

PINDAAN 1, MEI 2022

SENARAI AHLI PANEL

1. Pn. Sharida Binti Mohd. Sharif (CIAST)	21. En. Saufi Anuar Bin Saad (BPLTV)
2. Pn. Roshaniza Binti Md Hashim (CIAST)	22. Pn. Noor Atika Binti Mohd Azali (CIDB)
3. En Hairul Nizzat Bin Bahrin (CIAST)	23. Pn. Nor Faeza Binti Hamdan Fadel (CIDB)
4. Ts. Mohd Zamri Bin Abdul Hamid (CIAST)	24. En. Marwan Bin Maarof (CIDB)
5. En Muhammad Salman Bin Sahak (CIAST)	25. Pn. Adibah Binti Abdul Raof (BLKP)
6. Pn. Nurul Rabani Binti Mohd Toff (CIAST)	26. Pn. Norliza Binti Johar (BLKP)
7. En. Ahmad Zaki Bin Ali Husin (CIAST)	27. Tuan DSP Roslee Noor Bin Othman (MTPDRM)
8. Cik Salina Binti Yahya (CIAST)	28. Tuan ASP Mazlan Bin Mohd Hassan (MTPDRM)
9. En. Sofian Bin Mohamad (CIAST)	29. Tuan Inspektor Radin Afiq Bin Radin Omar (MTPDRM)
10. En. Mohd Saiful Nizam Bin Khalid (JPPKK)	30. Mejar Mohd Hisham Bin Yunus (ATM)
11. Pn. Siti Mariam Binti Roslan (JPPKK)	31. En. Mohd Daud Bin Idris (PENJARA)
12. Pn. Norfatimah Afzan Binti Abd Rashid (JPPKK)	32. En. Mohd Fairoz Bin Miskan (PENJARA)
13. En. Muhammad Izad Bin Yusoff (JPPKK)	33. En. Khairil Fadli Bin Ibrahim (AADK)
14. Pn. Rushazila Binti Amir Nordin (JTM)	34. Pn. Norsazilah Binti Abdullah (AADK)
15. En. Churemi Bin Sairi (KBS)	35. Pn. Noraida Binti Ibrahim (JKM)
16. Pn. Siti Aishah Binti Bakar (MARA)	36. Pn. Faiza Noor Binti Mohd Nandari (JKM)
17. En. Ahmad Azmir Bin Ahmad Tarmizi (MARA)	37. En. Mohamad Fazli Bin Abdul Rahman (JKM)
18. Pn. Nazhatulshima Binti Ab Wahab (GIATMARA)	38. En. Azlin Bin Abdul Rahman (UNIKL)
19. Pn. Nurul Shuhada Binti Yaakub (GIATMARA)	39. Cik Nurul Irdina Binti Fahmi (UNIKL)
20. En. Omar Bin Budin (BPLTV)	40. En. Abdul Malek @ Abdul Razak Bin Tajudin (GMI)

Kandungan

Bil	Perkara	Muka Surat
	Senarai Ahli Panel Pembangunan Garis Panduan	
1.0	Objektif Pembangunan Garis Panduan	1
2.0	Latar Belakang	1
3.0	Tafsiran	2
4.0	Objektif Program <i>TVET Instructor Technology Update</i> (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah <i>Coaching</i> dan <i>Mentoring</i> Kepada Pengajar TVET)	4
5.0	Penyelarasan Pelaksanaan Program <i>TVET Instructor Technology Update</i> (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah <i>Coaching</i> dan <i>Mentoring</i> Kepada Pengajar TVET)	5
6.0	Peranan Jawatankuasa Penyelarasan Program <i>TVET Instructor Technology Update</i> (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah <i>Coaching</i> dan <i>Mentoring</i> Kepada Pengajar TVET)	5
7.0	Prosedur Pelaksanaan Program <i>TVET Instructor Technology Update</i> (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah <i>Coaching</i> dan <i>Mentoring</i> Kepada Pengajar TVET)	6
8.0	Peranan Agensi dan Peserta dalam Program <i>TVET Instructor Technology Update</i> (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah <i>Coaching</i> dan <i>Mentoring</i> Kepada Pengajar TVET)	12
9.0	Pemantauan Pelaksanaan Program <i>TVET Instructor Technology Update</i> (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah <i>Coaching</i> dan <i>Mentoring</i> Kepada Pengajar TVET)	13
10.0	Justifikasi agihan peruntukan kepada agensi	13
11.0	Pemakaian	15
	Rujukan	16
	SENARAI LAMPIRAN:	
	Lampiran A	17
	Lampiran B1	20
	Lampiran B2	23
	Lampiran C1	24
	Lampiran C2	26
	Lampiran C3	28
	Lampiran C4	29
	Lampiran C5	30
	Lampiran C6	31
	Lampiran C7	39
	Lampiran C8	40
	Lampiran C9	42
	Lampiran C10	45
	Lampiran C11	46
	Lampiran D	48
	Lampiran E	49
	Lampiran F	50

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM TVET INSTRUCTOR TECHNOLOGY UPDATE (PERKONGSIAN KEPAKARAN PENGAJAR DARI DALAM DAN LUAR NEGARA MELALUI KAEDAH COACHING DAN MENTORING KEPADA PENGAJAR TVET)

1.0 Objektif Pembangunan Garis Panduan

- i. Menerangkan pelaksanaan latihan melalui kaedah *Coaching* dan *Mentoring* di dalam dan luar negara untuk pengajar TVET selaras dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia ke 12 bagi Tonggak ke Empat RMke12 iaitu Transformasi Modal Insan dan Pengukuhan Pasaran Buruh. Tonggak ini juga dijarar dengan Pemboleh Daya kelima iaitu Pendidikan dan TVET.
- ii. Memberi panduan mengenai kaedah tatacara pengurusan dengan memfokuskan kepada program-program latihan kemahiran sejajar dengan halatuju negara iaitu ***new emerging technology, ekonomi digital, persijilan profesional, cross disciplinary and future social skills*** berdasarkan kompetensi bidang yang dibangunkan di dalam sistem TiPS.

2.0 Latar Belakang

Pengukuhan profesionalisme tenaga pengajar TVET dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian TVET untuk membangunkan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh Malaysia untuk mencapai taraf negara maju. Program *TVET Instructor Technology Update* untuk tenaga pengajar TVET diperkukuhkan dengan menggiatkan lebih banyak program latihan iaitu melalui pelaksanaan program ***Coaching dan Mentoring*** berasaskan kompetensi melalui eprofiling atau *TVET Instructors eProfiling System (TiPS)* bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar selaras dengan kemahiran baharu (*Emerging Skills*), menaiktaraf dan mengoptimum fungsi pangkalan data eprofiling untuk mengenalpasti jurang kompetensi dan menyediakan pelan hala tuju latihan yang berkesan.

Program *TVET Instructor Technology Update* iaitu perkongsian kepakaran pengajar dari dalam dan luar negara melalui kaedah ***Coaching dan Mentoring*** kepada pengajar TVET yang melibatkan **15 agensi di bawah sembilan (9) kementerian** dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kepakaran dan kemahiran pengajar sedia ada di agensi TVET Awam. Tenaga pengajar diberi peluang untuk meningkatkan tahap kemahiran dan kepakaran mereka secara berterusan. Pelaksanaan program ini adalah berdasarkan kepada analisa keperluan latihan yang diperolehi melalui Sistem eProfiling (TiPS). Latihan ***Coaching dan Mentoring*** yang dilaksanakan adalah merangkumi tiga (3) jenis kompetensi yang telah dikenalpasti iaitu komponen kemahiran, pedagogikal dan pengurusan.

Pelaksanaan program latihan *Coaching dan Mentoring* merangkumi aspek penilaian, pembangunan, bimbingan, khidmat nasihat, sokongan dan penambahbaikan kompetensi kepada pegawai.

3.0 Tafsiran

Dalam panduan ini tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

- 3.1 **“Ahli Jawatankuasa Penyelarasan/ Agensi Pelaksana”** ertinya adalah wakil Kementerian/Jabatan/ Agensi Latihan Kemahiran Awam/Swasta atau agensi awam/swasta yang terlibat dalam pelaksanaan seperti di **LAMPIRAN A**.
- 3.2 **“Latihan”** bermaksud proses pemindahan ilmu pengetahuan secara kemas dan berdisiplin , bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ini di capai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus, latihan semasa bekerja dan program mentoring/coaching atau yang seumpama dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.
- 3.3 **“Kursus”** ertinya sebarang bentuk latihan yang menekankan kepada peningkatan pengetahuan (*knowledge*), kemahiran (*skills*), sikap (*attitude*) dan kebolehan teras (*core abilities*) menerusi kaedah, penggunaan peralatan dan bahan dalam jangkamasa yang ditetapkan.
- 3.4 **“Technical and Vocational Educational Training (TVET)”** merupakan singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional adalah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri bertujuan untuk kompeten dalam bidang-bidang tertentu.
- 3.5 **“Pengajar TVET ”** adalah individu yang terlibat dalam Pengurusan dan Pengajaran bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).
- 3.6 **“Kompetensi”** merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas dan tanggung jawab bagi seseorang pengajar TVET.
- 3.7 **“Coaching”** merujuk kepada proses memotivasi dan membimbing individu secara perseorangan yang dikenali sebagai *coachee*. Ianya membantu seseorang mengeluarkan potensi dirinya bagi memajukan diri dan membuat anjakan yang positif dalam pemikiran dan tindakan. Ianya dilaksanakan dalam tempoh yang lebih singkat dan berfokus kepada hasil bertujuan membangunkan kompetensi tertentu agar memberi impak dalam mencapai matlamat diri dan organisasi. Pelaksanaan aktiviti *coaching* melibatkan komponen kompetensi **Vokasional/Profesional, Pedagogikal dan Sosial, serta Pengurusan**.
- 3.8 **“Coach”** adalah individu yang menjalankan sesi *coaching* kepada *coachee* secara perseorangan dan mempunyai skor kompetensi pedagogikal dan sosial ≥ 4.5 atau ditauliahkan sebagai coach mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 3.9 **“Coachee”** adalah pengajar TVET yang berdaftar di dalam sistem TiPS dan mempunyai skor kompetensi < 4.5 .
- 3.10 **“Mentoring”** merujuk kepada proses perkongsian pengetahuan, kepakaran dan pengalaman untuk meningkatkan kemahiran mentee. Pelaksanaan aktiviti *mentoring* melibatkan komponen kompetensi **Vokasional/Profesional, Pedagogikal dan Sosial, serta Pengurusan**.
- 3.11 **“Mentor”** adalah individu yang bertindak sebagai fasilitator dan mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkenaan serta mempunyai skor kompetensi ≥ 4.5 atau ditauliahkan sebagai mentor mengikut kriteria yang ditetapkan.

- 3.12 **“Mentee”** adalah pengajar TVET yang berdaftar di dalam sistem TiPS dan mempunyai skor kompetensi < 4.5.
- 3.13 **“TVET Instructor eProfiling System (TiPS)”** adalah singkatan kepada Sistem Pangkalan Data Pengajar TVET.
- 3.14 **“National Occupational Skills Standards (NOSS)”** ertinya dokumen yang menggariskan keterampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi suatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut.
- 3.15 **“Pegawai Atasan”** ertinya ketua atau penyelia yang terdekat kepada pegawai yang berkursus dan mempunyai hubungan kerja secara langsung atau yang mengawasi kerjanya.
- 3.16 **“Penyelaras”** ertinya pegawai di agensi yang bertanggungjawab dari agensi masing-masing bagi mengurus pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* iaitu perkongsian kepakaran pengajar dari dalam dan luar negara melalui kaedah *Coaching* dan *Mentoring* kepada pengajar TVET.
- 3.17 **“Peserta”** ertinya seseorang pengajar, pensyarah, pegawai latihan dan pegawai latihan vokasional yang menerima latihan
- 3.18 **“Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)”** ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan oleh JPK kepada calon yang telah dinilai dan disahkan terampil mengikut kesemua keperluan NOSS tertentu.
- 3.19 **“Silibus”** ertinya senarai topik dalam pengajaran atau pembelajaran dalam pelaksanaan program latihan.
- 3.20 **“Urus Setia”** ertinya bahagian di CIAST, JPK yang bertanggungjawab menyelaras dan mengurus Program *TVET Instructor Technology Update* iaitu perkongsian kepakaran pengajar dari dalam dan luar negara melalui kaedah *Coaching* dan *Mentoring* kepada pengajar TVET.
- 3.21 **“Pembangunan Diri”** merujuk kepada peningkatan kemahiran, kebolehan dan kerjaya yang dapat dicapai dengan mempraktikkan pengetahuan, pendedahan kepada pelbagai idea dan pengalaman serta latihan dan mentoring.
- 3.22 **“In House”** adalah program latihan dilaksanakan dengan menggunakan kepakaran yang terdapat di dalam agensi masing-masing.
- 3.23 **“Out-source”** adalah latihan yang dikendalikan oleh pihak luar (dari TiPS) yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.
- 3.24 **“Inter-agensi”** merupakan kaedah pelaksanaan kursus dengan menggunakan kepakaran dari agensi TVET lain yang berdaftar di dalam TiPS
- 3.25 **“Off Job Training”** latihan dari tempat kerja melibatkan penyertaan kursus-kursus seperti Kursus *Reskilling, Upskilling and Profesional*, Perkongsian Kepakaran Industri (PKI), *Coaching* dan *Mentoring*, Lawatan dan lain-lain.
- 3.26 **“On Job Training”** latihan jangka masa tertentu selain dari tempat kerja sebenar secara sistematik dari asas hingga spesifik seperti Latihan Sangkutan Industri, *Coaching* dan *Mentoring*

- 3.27 **“Latihan Sangkutan Industri”** merupakan program penempatan tenaga pengajar Institusi Latihan Awam (ILA) untuk menjalani latihan industri secara terancang dan diselia oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan di industri dalam bidang pengkhususan masing-masing.
- 3.28 **“Perkongsian Kepakaran Industri”** Program ini menyediakan platform bagi membolehkan pihak industri atau pakar industri yang diiktiraf dijemput untuk berkongsi kepakaran atau pengalaman mereka dengan pihak institusi latihan.
- 3.29 **“Self development”** pembelajaran Kendiri iaitu kaedah pembelajaran yang berkonsepkan belajar atas daya usaha sendiri,
Contoh:
a. pembacaan manual atau buku-buku ilmiah
b. penggunaan portal e-pembelajaran yang diiktiraf
- 3.21 **“Kursus Jangka Pendek”** ialah kursus sepenuh masa termasuklah lawatan sambil belajar, seminar atau bengkel yang tempohnya **tidak melebihi tiga bulan** kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik.
- 3.22 **“Kursus Jangka Sederhana”** ialah kursus sepenuh masa yang tempohnya **melebihi tiga bulan** tetapi **tidak melebihi dua belas bulan** kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik.
- 3.23 **“Kursus Jangka Panjang”** ialah kursus sepenuh masa yang tempohnya **melebihi dua belas bulan** kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik.
- 3.24 **“Latihan Dalam Negara”** adalah kursus yang dilaksanakan di dalam negara Malaysia.
- 3.25 **“Latihan Luar Negara”** adalah kursus yang dilaksanakan di luar negara.

4.0 **Objektif Program TVET Instructor Technology Update (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET)**

Program ini diadakan untuk mencapai objektif berikut:

- 4.1 Membantu meningkatkan kemahiran pengajar kategori mahir, kompeten dan separa kompeten kepada satu tahap yang lebih tinggi bagi memenuhi keperluan proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan analisa jurang kompetensi yang telah dikenalpasti.
- 4.2 Menyediakan latihan kepada peserta dalam kemahiran sedia ada, baru, terkini dan diiktiraf berdasarkan analisa jurang kompetensi yang telah dikenalpasti; dan
- 4.3 Menyediakan peluang perkembangan dan kemajuan kerjaya kepada peserta menerusi penyertaan program latihan kemahiran.

5.0 Penyelarasan Pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET)

Program ini diselaraskan oleh satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penyelarasan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET) yang terdiri daripada:

Pengerusi : Pengarah CIIAST

Urus Setia : CIIAST

Ahli-Ahli : Kementerian/Jabatan/Agensi Pelaksana seperti di **LAMPIRAN A**

6.0 Peranan Jawatankuasa Penyelarasan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET)

6.1 Jawatankuasa Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET) bertanggungjawab dalam merancang dan memohon keperluan bajet serta menyelaras pengurusan dan mengawal selia pelaksanaan semua program latihan melalui kaedah *Coaching* dan *Mentoring* kepada pengajar TVET.

6.2 Menggariskan perancangan strategik pembangunan latihan kemahiran bagi pelaksanaan program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET).

6.3 Menyemak, mengkaji dan meluluskan cadangan program latihan kemahiran berpandukan perancangan latihan agensi pelaksana yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Latihan atau Ketua Jabatan di Kementerian/Jabatan/Agensi Latihan Kemahiran Awam/Swasta masing-masing dan mematuhi prosedur kewangan; Rujukan seperti di **LAMPIRAN B**.

- 6.4 Menyelaras pencalonan peserta merujuk kepada laporan TiPS iaitu analisa kompetensi pengajar TVET untuk program yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Latihan Kemahiran Awam/Swasta. Nilai skor kompetensi bagi *coach/coachee* dan *mentor/mentee* yang digariskan adalah seperti berikut;
- a. *Coach* dan *Mentor* adalah dari kalangan pengajar TVET, pensyarah, *subject matter expert*, pakar akademik dan pakar industri.
 - b. *Coach* - Skor kompetensi pedagogikal & sosial ≥ 4.5 atau telah ditauliahkan sebagai *coach* mengikut kriteria yang ditetapkan.
 - c. *Coachee* - pengajar TVET yang berdaftar di dalam sistem TiPS dan mempunyai skor < 4.5 di dalam bidang yang berkaitan dengan program *coaching*.
 - d. *Mentor* - individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkenaan dan mempunyai skor kompetensi ≥ 4.5 atau telah ditauliahkan sebagai *mentor* mengikut kriteria yang ditetapkan.
 - e. *Mentee* - pengajar TVET yang berdaftar di dalam sistem TiPS dan mempunyai skor < 4.5 di dalam bidang yang berkaitan dengan program *mentoring*.
- 6.5 Menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET) secara berkala; dan
- 6.6 Memastikan mesyuarat Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET) bersama semua agensi.
- 7.0 **Prosedur Pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET)** terbahagi kepada EMPAT (4) proses, iaitu:
- 7.1 Perancangan dan Kelulusan
- 7.1.1 Penyediaan perancangan latihan dan peruntukan kewangan agensi pelaksana dibuat berdasarkan analisa kompetensi pengajar TVET;
 - 7.1.2 Permohonan perancangan latihan **disokong** diperingkat Jawatankuasa Latihan Agensi atau ketua Jabatan; dan
 - 7.1.3 Permohonan perancangan latihan **diluluskan** diperingkat Jawatankuasa Penyelarasan Program di agensi.
- 7.2 Pemilihan *coach/coachee* dan *mentor/mentee*
- 7.2.1 Unit latihan di agensi mengenalpasti individu iaitu *coachee* atau *mentee* yang merupakan pengajar kategori mahir, kompeten dan separa kompeten untuk ditingkat kepada satu tahap yang lebih tinggi melalui analisa jurang abiliti di dalam sistem TiPS (**Lampiran C1**)
 - 7.2.2 Unit latihan di agensi mengenalpasti pengajar yang akan bertindak sebagai *coach* atau *mentor* berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti di perenggan 6.4 **dan membuat permohonan latihan melalui sistem TiPS. (Lampiran C2)**
 - 7.2.3 Kriteria pemilihan *coachee* dan *mentee* adalah seperti berikut;
 - i. *Coachee* dan *mentee* adalah dikalangan pengajar yang berdaftar di dalam sistem TiPS yang mempunyai skor < 4.5 di dalam bidang yang berkaitan dengan program *coaching* atau *mentoring*, dan berada di dalam kategori mahir, kompeten atau separa kompeten.

- ii. Mempunyai potensi dan kualiti diri yang baik, berfikiran positif dan menunjukkan daya usaha yang tinggi dalam meningkatkan tahap kompetensi mereka.
- iii. Mendapat kelulusan atau pelepasan daripada penyelia atau pihak pengurusan di agensi/institut

7.2.4 Kriteria pemilihan *coach* dan *mentor* adalah seperti berikut;

- i. *Coach* - **Skor kompetensi pedagogikal & sosial ≥ 4.5** atau telah ditauliahkan sebagai *coach* mengikut kriteria yang ditetapkan.
- ii. *Mentor* merupakan pengajar atau individu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang yang berkenaan dan mempunyai **skor kompetensi ≥ 4.5** atau telah ditauliahkan sebagai *mentor* mengikut kriteria yang ditetapkan.
- iii. *Coach* atau *mentor* boleh terdiri daripada pengajar TVET, pensyarah, *subject matter expert*, pakar akademik dan pakar industri.
- iv. Telah berkhidmat dan berpengalaman dalam bidang berkaitan sekurang-kurang **LIMA (5) tahun**.
- v. Berpotensi dan mampu meningkatkan potensi individu yang dilatih
- vi. Mempunyai kualiti keperibadian yang baik, berdisiplin, boleh memimpin, dan mampu berkomunikasi secara berkesan.
- vii. Merupakan pakar rujuk atau *subject matter expert* di dalam bidang kemahiran atau kompetensi tertentu.
- viii. Dapat melaksanakan peranan sebagai *coach* atau *mentor* dengan baik dan memiliki kemahiran membimbing serta melatih
- ix. Perlantikan *coach/mentor* mendapat kelulusan atau pelepasan daripada penyelia atau pihak pengurusan di agensi/institut
- x. Pemilihan *coach/mentor* dari agensi swasta, pihak industri atau luar negara perlu dibuktikan kepakaran mereka di dalam bidang tertentu melalui pembuktian yang relevan seperti pengesahan dari pihak majikan, sijil-sijil kursus, persijilan profesional atau mana-mana yang bersesuaian.
- xi. Surat persetujuan pelantikan *coach* dan *mentor* perlu dikeluarkan oleh pihak agensi (**Lampiran C4 dan C5**)
- xii. *Coach/Coachee/Mentor/Mentee* akan menerima pemakluman penawaran program Coaching dan Mentoring (**Lampiran C3**) melalui Sistem TiPS iaitu apabila pihak CIAST meluluskan permohonan yang dibuat oleh Admin Institut/Penyelaras Latihan melalui sistem TiPS.

7.2.5 Sesi *mentoring* boleh dilaksanakan secara kumpulan tetapi nisbah ideal antara *mentor* dan *mentee* adalah 1:5 iaitu seorang *mentee* melatih tidak melebihi daripada 5 orang *mentee*. Bagi sesi *coaching* **digalakkan** dilaksanakan secara perseorangan di antara *coach* dan *coachee* tetapi boleh dilaksanakan secara kumpulan yang tidak melebihi daripada 5 orang *coachee* dalam satu-satu modul latihan.

7.3 Pelaksanaan latihan melalui kaedah *Coaching* dan *Mentoring*

7.3.1 Komponen kompetensi **Vokasional / Profesional, Pedagogikal dan Sosial serta Pengurusan** boleh dilaksanakan menggunakan kedua-dua kaedah *coaching* dan *mentoring*.

7.3.2 Latihan boleh dilaksanakan secara intra-agensi, inter-agensi, atau menggunakan khidmat kepakaran luar iaitu *coach* atau *mentor* boleh terdiri daripada pakar akademik dan pakar industri, sama ada dari dalam negara atau luar negara


- 7.3.3 Pelaksanaan latihan berdasarkan kompetensi yang ditetapkan di dalam sistem TiPS dan memenuhi Standard Pekerjaan atau Silibus yang diiktiraf dengan penekanan kepada komponen praktikal dan kemahiran psikomotor (*skills*), pengetahuan dan teori (kognitif), sikap (*attitude*) dan kebolehan teras (*core abilities*).
- 7.3.4 Keutamaan pelaksanaan latihan adalah untuk menutup jurang kompetensi dan juga memenuhi keperluan teknologi baru.
- 7.3.5 Tujuan untuk menggalakkan pembangunan diri, penguasaan pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi.
- 7.3.6 Bilangan sesi dan jumlah jam pertemuan yang dilaksanakan adalah mengikut ketetapan berikut;
- i. Bilangan sesi dan jumlah jam pertemuan adalah bergantung kepada ketetapan yang ditetapkan oleh *coach* dan *mentor*.
 - ii. **Jadual latihan** perlu disediakan apabila penetapan sesi dan jumlah jam pertemuan telah diputuskan diantara *coach/coachee* atau *mentor/mentee*
 - iii. Minimum jumlah jam pertemuan ialah **12 jam**
 - iv. Maksimum jumlah jam pertemuan diselaraskan berdasarkan analisa jurang kompetensi *coachee* atau *mentee*, jumlah peruntukan yang disalurkan kepada agensi dan hanya boleh dilaksanakan **sehingga sebelum penilaian di dalam sistem TiPS dibuka pada tahun semasa.**
 - v. Maksimum jumlah jam pertemuan di dalam 1 hari ialah **6 jam.**
 - vi. Kaedah pertemuan boleh dilaksanakan secara **bersemuka ataupun secara atas talian (online).**
 - vii. Kaedah pelaksanaan secara *student-centered* tidak melibatkan sebarang pembayaran kepada *coach* atau *mentor*.
- 7.3.7 Pelaksanaan latihan *coaching* dan *mentoring* di agensi boleh melibatkan perbelanjaan dan tuntutan seperti berikut:
- i. Kadar bayaran khidmat coach dan mentor (*) adalah berdasarkan kepada pekeliling berikut;
 - a) Kadar Bayaran Pensyarah/Penceramah Dan Fasilitator Sambilan Mengikut Gred Jawatan Rujukan : Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005
Sila Rujuk Pekeliling Kerajaan Malaysia WP1.8 (Anggota Perkhidmatan Awam) Peraturan Mengenai Kadar-Kadar Dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/ Penceramah Dan Fasilitator Sambilan
 - b) Kadar Bayaran Pensyarah/Penceramah Dan Fasilitator Sambilan Mengikut Kadar Kelayakan Akademik Rujukan : Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 19 Tahun 2002
 - ii. Kadar tuntutan perjalanan dan penginapan (*), Merujuk kepada Pekeliling Kerajaan Malaysia WP1.4, Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis)
 - iii. Kos Bahan Latihan berkaitan program
 - iv. Kos Penyediaan Makan dan Minum
 - v. Lain-lain perbelanjaan berkaitan program *coaching* dan *mentoring*


(*) *Tuntutan bagi perkara 7.3.7 (i) dan (ii) perlulah dikepilkan bersama jadual latihan bagi bulan yang berkenaan.*

7.4 Pemantauan dan Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Program

- 7.4.1 *Coachee* dan *mentee* perlu mendokumentasi dan membuat pelaporan bagi setiap aktiviti latihan secara terperinci di dalam Buku Rekod Program *Coaching* dan *Mentoring* (**Lampiran C6**) dan menyediakan Laporan Akhir Program *Coaching* dan *Mentoring* (**Lampiran C8**)
- 7.4.2 *Coach* dan *mentor* perlu menyemak, menilai dan mengesahkan aktiviti latihan yang telah dilaksanakan. Hasil pelaporan boleh dijadikan sebagai sumber untuk mengukur sejauh mana keberkesanan aktiviti yang dilaksanakan dapat membantu meningkatkan tahap kemahiran dan pengetahuan *coachee* dan *mentee* ke tahap kompetensi yang lebih tinggi. Pengesyoran tamat program dibuat oleh *coach* atau *mentor* di akhir program (**Lampiran C8**)
- 7.4.3 Pengukuran tahap penguasaan dan peningkatan kemahiran serta pengetahuan *coachee* atau *mentee* haruslah diukur melalui kaedah-kaedah yang bersesuaian seperti melalui ujian praktikal dan ujian secara kognitif, temubual secara lisan, sesi pembentangan, dan lain-lain kaedah yang bersesuaian.
- 7.4.4 Pihak pengurusan di institut/agensi atau Jawatankuasa Latihan di peringkat agensi perlu memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti latihan *coaching* & *mentoring* secara berkala bagi melihat keberkesanan program dan tindakan penambahbaikan yang boleh dilakukan sekiranya perlu. Kriteria dan hasil pemantauan direkodkan di dalam Borang Penilaian Sesi Pemantauan Program *Coaching* dan *Mentoring* (**Lampiran C7**)
- 7.4.5 Maklumbalas Keberkesanan Program (**Lampiran C9**) dan Penilaian Abiliti melalui Sistem TiPS diisi oleh *coachee* atau *mentee* bagi mengukur sama ada kompetensi mereka telah dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi, dan akan disahkan oleh penyelia kepada *coachee/mentee*.
- 7.4.6 Surat Pengesahan Tamat Program *Coaching* dan *Mentoring* (**Lampiran C10**) akan dikeluarkan oleh pihak CIAST melalui sistem TiPS apabila *coachee* atau *mentee* telah selesai membuat penilaian abiliti dan penilaian kursus di dalam Sistem TiPS.
- 7.4.7 Admin Agensi (AA) akan menyediakan Laporan Program *Coaching* dan *Mentoring* (**Lampiran C11**) dan membentangkan laporan di dalam Mesyuarat Pelaksanaan Program Pembangunan Kepakaran Dan Profesionalisme Pengajar TVET.

7.5 Carta Alir Pelaksanaan Program TVET *Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepekaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET)





8.0 Peranan Agensi dan Peserta dalam Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET)

8.1 CIAST (Urusetia)

- 8.1.1 Memohon peruntukan kewangan melalui Kementerian Sumber Manusia bagi pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET);
- 8.1.2 Menyelaraskan pinaluran peruntukan kewangan kepada agensi pelaksana untuk pelaksanaan program yang dirancang; (Maklumat kewangan Waran dan EFT seperti di **LAMPIRAN D**) dan
- 8.1.3 Menyelaraskan dan memantau Pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET)

8.2 Agensi Pelaksana

- 8.2.1 Menerima peruntukan kewangan melalui Kementerian Sumber Manusia bagi pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET).
- 8.2.2 Mengenalpasti latihan *coaching* atau *mentoring* yang bersesuaian untuk menutup jurang kompetensi dengan mengemukakan **analisa keperluan latihan dan** pelan latihan; seperti **LAMPIRAN C1 dan JADUAL LATIHAN**.
- 8.2.3 Memastikan program *coaching* atau *mentoring* yang dirancang hendaklah berdasarkan kepada standard keterampilan yang diguna pakai bagi tujuan persijilan atau pengiktirafan badan profesional;
- 8.2.4 Memastikan tempoh program hendaklah bersesuaian berdasarkan analisa jurang kompetensi *coachee* atau *mentee*, dan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada agensi;
- 8.2.5 Memastikan pemilihan peserta berdasarkan yang ditetapkan dalam Sistem TIPS
- 8.2.6 Melaksanakan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET) seperti mana tatacara yang ditetapkan di perenggan 7.0;
- 8.2.7 Memastikan pelaksanaan program mematuhi pekeliling dan tatacara kewangan yang ditetapkan, dan juga tertakluk kepada prosedur kewangan di agensi berkenaan;
- 8.2.8 Memaklumkan kepada *coach/mentor* dan *coachee/mentee* tanggungjawab sebelum, semasa dan selepas menghadiri program *coaching* atau *mentoring*;
- 8.2.9 Melaporkan pembangunan kompetensi pengajar TVET melalui penilaian semula selepas program tamat; dan

8.2.10 Mengemukakan laporan pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET) dan prestasi perbelanjaan kepada pihak CIAST melalui Mesyuarat Pelaksanaan Program Pembangunan Kepakaran Dan Profesionalisme Pengajar TVET.

8.3 Peserta

8.3.1 Hadir dan menamatkan program dengan jayanya;

8.3.2 Mengisi Borang Penilaian Keberkesanan Latihan *Coaching* dan *Mentoring* diakhir program dalam sistem TIPS; dan

8.3.3 Membuat penilaian kompetensi di dalam Sistem TIPS ke atas kompetensi bagi abiliti yang berkenaan

9.0 Pemantauan Pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET)

9.1 Pemantauan pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET) adalah untuk:

9.1.1 Memantapkan urusan pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET) terutama dalam memastikan setiap program yang dirancang dan dijalankan memenuhi keperluan latihan dari segi peningkatan kemahiran pengajar di institusi latihan dan memberi manfaat kepada pembangunan kualiti tenaga mahir negara; dan

9.1.2 Memastikan program yang dilaksanakan memenuhi keperluan jurang kompetensi pengajar kemahiran yang terlibat.

9.2 Personel yang terlibat bagi tujuan pemantauan ialah:

9.2.1 CIAST – (Urus Setia)

9.2.2 Jawatankuasa Pembangunan JPK

9.2.3 Bahagian Dasar Kementerian Sumber Manusia

10.0 Justifikasi agihan peruntukan kepada agensi adalah:

Agihan peruntukan bermaksud urusan agihan peruntukan Pembangunan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam Dan Luar Negara Melalui Kaedah *Coaching* dan *Mentoring* Kepada Pengajar TVET) kepada 15 agensi adalah bagi tujuan pelaksanaan latihan.

Peruntukan pembangunan diagihkan berdasarkan keputusan kelulusan Mesyuarat Pembangunan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) berdasarkan perkara seperti berikut [Rujuk **LAMPIRAN D**]:

10.1 Agensi yang melaksanakan Program Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dan agensi pelaksana program TVET.

Agensi yang diberi keutamaan adalah agensi yang melaksanakan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) berteraskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SPKK) dan agensi pelaksana program TVET yang diberi akreditasi program untuk sektor vokasional dan teknikal oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

10.2 Agensi berdaftar dan membuat penilaian di dalam sistem TiPS.

Satu pangkalan data berpusat telah mula dibangunkan oleh JPK/CIASST secara dalaman pada tahun 2016. Sistem eProfiling Pengajar TVET atau *TVET Instructors Profiling System* (TiPS) telah dibuka kepada 15 agensi daripada 9 kementerian yang terlibat dengan Program Pembangunan Pengajar TVET. Agensi yang berdaftar di dalam TiPS dan telah membuat penilaian kompetensi membolehkan mengenal pasti bilangan pengajar, maklumat personel dan maklumat kompetensi tenaga pengajar direkodkan secara atas talian di setiap agensi. Laporan bilangan pendaftaran pengajar dan laporan hasil analisa terhadap penilaian kompetensi yang telah dibuat melalui sistem digunakan untuk anggaran penerimaan peruntukan yang diperlukan oleh agensi dalam merancang program latihan yang bersesuaian.

10.3 Perancangan kursus dan sasaran peserta yang disediakan oleh agensi.


Melalui laporan analisa kompetensi perancangan program latihan dan sasaran peserta yang bersesuaian sama ada melalui latihan *reskilling*, *upskilling* dan *profesional* berdasarkan kepada jurang kompetensi dapat dirancang dan disediakan oleh agensi. Dengan ini program latihan dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan berkesan serta dapat mengoptimumkan penggunaan bajet latihan agensi masing-masing.

10.4 Prestasi pelaksanaan dan kemajuan projek

Peruntukan pembangunan diagihkan kepada agensi mengikut kemajuan projek dan jumlah yang disalurkan dengan mengambil kira baki peruntukan yang masih belum dibelanjakan dan laporan kemajuan projek yang dilaksanakan.

11.0 Pemakaian

